




Garis Panduan bagi Penerbitan Imej Primat Bukan-Manusia Secara Bertanggungjawab

Sebuah Publikasi dari IUCN Primate Specialist Group
Section for Human-Primate Interaction



Siân Waters, Joanna M Setchell, Laëtitia Maréchal, Felicity Oram, Janette Wallis & Susan M Cheyne

Dengan sumbangan daripada: Brooke Aldrich, Sherrie Alexander, Liana Chua, Tara Clarke, Malene Friis Hansen, Carolyn Jost-Robinson, Kimberley Hockings, Marni LaFleur, Lucy Radford, Erin Riley, Amanda Webber

Pengenalan

Gambar dan video (disebut sebagai imej dalam dokumen ini) boleh menarik perhatian jutaan orang kepada kebajikan dan konservasi primat bukan manusia (disebut sebagai primat dalam dokumen ini). Walaubagaimanapun, jika konteks imej-imej ini tidak sesuai, kurang jelas, atau hilang, orang awam kemungkinan mencapai sebuah konklusi yang tidak tepat tentang imej tersebut. Konklusi-konklusi tidak tepat ini mungkin membawa kepada kesan negatif yang tidak disengajakan ke atas kebajikan dan konservasi primat (Aldrich 2018; Wallis 2018; Norconk *et al.* 2019). Potensi penyebaran imej-imej ini tanpa konteks asalnya di media sosial juga merupakan suatu hal yang membimbangkan.



Di kebanyakan negara, primat ditangkap dari habitat asalnya secara haram dan digunakan sebagai prop penggambaran untuk kegiatan pelancongan (Osterberg & Nekarlis 2015; LaFleur *et al.* 2019; Norconk *et al.* 2019). Primat dewasa sering kala dibunuh untuk menangkap primat yang muda, bagi tujuan penggunaan sebagai prop penggambaran. Gigi-gigi primat juga kadang kala dicabut supaya mengelakkan berlakunya gigitan. Primat-primat yang digambarkan dalam imej-imej ini mungkin berada dalam keadaan yang amat tertekan. Contohnya, primat-primat nokturnal seperti kongkang amat mudah terganggu oleh cahaya sama ada dari matahari mahupun lampu suluh semasa digunakan sebagai prop penggambaran (Nekarlis *et al.* 2015). Pelancong dan ekspatriat sering membeli primat-primat ini, sama ada sebagai haiwan peliharaan ataupun dengan niat 'menyelamatkan' primat tersebut (Bergin *et al.* 2019; Osterberg & Nekarlis 2015; LaFleur obs. pers.; Setchell obs. pers.) Tambahan lagi, aktiviti membiak primat-primat eksotik untuk dijual sebagai prop penggambaran dijalankan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab di negara-negara asal serta bukan asal spesies primat tersebut (Aldrich 2018). Setelah haiwan-haiwan ini menjadi terlalu besar dan kuat untuk dikawal dengan selamat, ianya dihapuskan atau dikurung selamanya. Lazimnya haiwan-haiwan ini disimpan dalam keadaan yang daif, jauh dari pengetahuan dan kepedulian orang ramai. (Agoramoorthy & Hsu 2005; Reuter & Schaefer 2016).

Pihak-pihak yang mempunyai akses mudah kepada primat, seperti ahli primatologi sama ada golongan profesional mahupun pelajar, staf penjaga haiwan serta sukarelawan di zoo, santuari dan pusat penyelamatan hidupan liar, kakitangan agensi kerajaan dan juga pemandu pelancong (selepas ini dirujuk sebagai penyampai mesej) berperanan memikul tanggungjawab dalam menyampaikan mesej yang sesuai tentang primat. Juga penting bahawa penyumbang dana, pengacara rancangan konservasi yang berprofil tinggi, selebriti, pegawai kerajaan serta penerbit media memaparkan tingkah laku yang sesuai terhadap primat. Lagipun, kejayaan menyampaikan maklumat mengenai primat bergantung pada bagaimana mesej itu diterima oleh audiens dan bukanlah pada niat penyampai mesej.

Di sini, kami menjelaskan sebab mengapa semua pihak penyampai mesej yang disenaraikan di atas haruslah mempertimbangkan semula penggunaan imej-imej ini, terutamanya yang menggambarkan situasi di mana seseorang itu berdekatan, menyentuh atau memegang primat. Konklusinya, kami menyediakan garis panduan untuk mengurangkan potensi timbulnya impak negatif terhadap kebajikan dan konservasi primat, dalam konteks *in-situ* dan *ex-situ*.

Masalah yang timbul dari imej yang menggambarkan manusia berdekatan dengan primat

Imej manusia dengan primat mengherot-benyotkan pemahaman orang awam terhadap primat

Imej di sosial media yang memaparkan manusia memegang primat mempengaruhi persepsi orang ramai terhadap primat secara negatif (Ross *et al.* 2011; Nekaris *et al.* 2013; Leighty *et al.* 2015; Clarke *et al.* 2019). Imej yang menunjukkan manusia menyentuh atau berdekatan dengan primat melahirkan persepsi yang tidak tepat bahawa menyentuh primat tidak berbahaya, tidak membawa risiko kesihatan ke atas manusia mahupun primat, dan juga persepsi primat itu sesuai dijadikan sebagai haiwan peliharaan. Tingkah laku yang digambarkan ini boleh melahirkan tanggapan bahawa primat ini wujud sekadar untuk hiburan, dan sekali gus menyimpangkan fokus dari nilai biodiversiti dan status terancam primat tersebut. Hal ini seterusnya memberi impak negatif terhadap usaha-usaha konservasi terutamanya di negara-negara asal primat yang digambarkan dalam imej tersebut (Ross *et al.* 2008; Schroepfer *et al.* 2011; Leighty *et al.* 2015, Morrow *et al.* 2017; Aldrich 2018).

Imej yang memaparkan manusia berdekatan dengan primat mungkin membawa perbezaan tafsiran mengikut budaya yang berlainan

Sesetengah budaya amat terpisah dari alam semula jadi dan memisahkan dengan jelas antara ‘manusia’ dan ‘alam sekitar’. Walaubagaimanapun, sesetengah budaya yang lain pula tidak membezakan dua konsep ini. Manusia dari komuniti sebegini, terutamanya di negara habitat primat tersebut, tidak semestinya memandang primat sebagai haiwan ‘liar’ (Aldrich 2018). Oleh itu, adalah munasabah untuk mempercayai bahawa interpretasi terhadap imej-imej ini berubah berdasarkan hubungan dan interaksi manusia dengan primat. Contohnya, persepsi terhadap primat sangat berbeza apabila dibandingkan antara penduduk bandar dengan luar bandar (Franquesa-Soler & Serio Silva 2017; Ceballos-Mago & Chivers 2010). Perbezaan persepsi ini bermakna mesej yang ingin disampaikan dari perspektif satu budaya mungkin diterima dari perspektif yang berbeza oleh golongan dari budaya yang berbeza.

Imej yang menggambarkan penyampai mesej bersama-sama primat mungkin menimbulkan keinginan orang ramai untuk bergambar dengan primat

Imej yang menggambarkan ahli veterinar, penjaga, pengacara rancangan hidupan liar, selebriti, sukarelawan, ataupun pelancong mendukung atau memberi makan kepada primat di pusat rehabilitasi menimbulkan keinginan untuk berbuat sama oleh orang ramai. Bergambar diri mereka dalam jarak yang dekat dengan primat tanpa penghadang fizikal yang jelas telah menjadi cara popular untuk orang ramai mengabadi dan mengongsikan kenangan mereka ketika melancong (Shutt 2014). Imej-imej sebegini melemahkan usaha penentangan pemburuan haram, serta usaha menentang pemilikan haiwan liar sebagai binatang peliharaan dan usaha konservasi, dengan cara menggambarkan kontak rapat manusia bersama primat walaupun kontak rapat ini sebenarnya tidak digalakkan oleh pusat penyelamatan hidupan liar, santuarian, NGO, dan agensi kerajaan. Tambahan lagi, gambar yang menunjukkan ahli primatologi memberi penjagaan kepada primat boleh menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk tempatan yang berpersepsi bahawa ahli konservasi ini lebih mementingkan kebajikan haiwan daripada manusia (Meijaard & Sheil 2008; Waters *et al.* 2018).

Konklusi

Sebagai pihak yang prihatin terhadap konservasi dan kebajikan primat, kita haruslah memikul tanggungjawab dan mempertimbangkan kesan-kesan langsung dan tidak langsung dalam penerbitan imej yang menggambarkan diri kita berdekatan dengan primat (Wallis 2018). Imej yang menggambarkan primat bersama manusia yang tular di dalam media popular dapat menimbulkan persepsi yang salah terhadap primat, meningkatkan potensi salah faham konteks antara budaya yang berbeza, meningkatkan kadar berlakunya interaksi yang tidak dikehendaki bersama primat dan boleh memberi kesan buruk serta mengurangkan impak bagus usaha-usaha kebajikan dan konservasi dalam semua konteks. Oleh itu, kemungkinan berlakunya impak negatif dari penerbitan imej-imej sedemikian lebih besar daripada kemungkinan berlakunya impak positif, dan kita seharusnya lebih berwaspada terhadap hal ini, terutamanya memandangkan bagaimana besarnya krisis kepupusan yang boleh berlaku ini.

Dengan kata lain, **untuk menjadi penyampai mesej yang bertanggungjawab, kita haruslah memikul tanggungjawab untuk tidak mengeluarkan imej yang menggambarkan diri kita berdekatan dengan primat pada media sosial, di mana ianya boleh disirkulasikan semula tanpa konteks yang asal dan seterusnya disalahfahami.** Ini merangkumi golongan yang mengajar, membenteng dalam mesyuarat, bekerja dalam sektor media, dan yang memupuk kesedaran awam tentang konservasi primat. Ia merangkumi juga semua pihak yang bekerja dengan atau bagi primat, tetapi lebih khususnya bagi kita yang masyhur dengan kerja-kerja yang berkaitan dengan primat, memandangkan keupayaan kita mempengaruhi persepsi awam terhadap primat.

Kami menyediakan garis panduan berikut bagi mengurangkan potensi berlakunya impak negatif terhadap kebajikan serta konservasi *in-situ* dan *ex-situ* primat yang boleh timbul dari imej yang menggambarkan primat tersebut.

Garis panduan terbaik bagi penggambaran primat secara bertanggungjawab

- Pastikan anda dan/atau organisasi anda mempunyai sebuah tatalaku berkenaan pengedaran imej oleh staf, pelajar dan sukarelawan. Jika perlu, pastikan bahagian pemasaran dan perhubungan awam atau mana-mana sukarelawan yang terlibat dengan komunikasi dimaklumkan tentang tatalaku tersebut.
- Pihak yang tidak mempunyai bidang kuasa terhadap SEMUA imej yang menggambarkan diri mereka, contohnya individu berprofil tinggi di mana imej-imej mereka sedia wujud di domain awam bagi jangka masa yang lama, haruslah menawarkan imej alternatif berserta penjelasan mengapa imej asal itu mungkin menimbulkan masalah. Mereka juga mempunyai peluang untuk menjelaskan pendapat mereka yang terkini mengenai hal ini.
- Memupuk kesedaran dengan menjelaskan isu-isu konservasi dan kebajikan primat yang timbul dari imej yang menggambarkan manusia berdekatan dengan primat dalam laman web, bahan terbitan, program dan presentasi serta lawatan berpandu yang ditawarkan organisasi anda.
- Di mana mungkin, menjadi contoh baik dengan mengambil gambar manusia yang berdiri di luar kandang primat kaptif, dan bukan berdiri di dalam kandang tersebut bersama dengan primat yang digambarkan (kecuali di mana primat tersebut adalah kaptif tetapi tidak disimpan di dalam kandang (free-ranging)).
- Jangan menerbitkan imej yang menggambarkan primat dalam dukungan penjaganya. Gantikan imej-imej ini dengan imej yang menggambarkan primat tersebut bersendirian ataupun dengan individu yang sama spesiesnya.
- Jangan menerbitkan imej yang menggambarkan primat-primat yang sedang diberi makan, bermain atau berinteraksi dengan penjaganya, sukarelawan ataupun penaja dana, melainkan manusia yang digambarkan dalam imej tersebut memakai peralatan perlindungan diri (PPE) yang sewajarnya.
- Pastikan jarak minima sebanyak 7 meter/23 kaki antara manusia dan primat dalam imej yang disiarkan secara awam.
- Dalam imej-imej yang mempromosikan primatologi sebagai sebuah kerjaya, pastikan konteksnya jelas dengan menggunakan pelitup muka, binokular, buku nota, ataupun peralatan yang lain untuk tujuan menjelaskan konteks.

Rujukan

- Agoramoorthy G & Hsu MJ. 2005. Use of nonhuman primates in entertainment in Southeast Asia. *Journal of Applied Animal Welfare Science* 8:141-149.
- Aldrich BC. 2018. The use of primate actors in feature films 1990-2013. *Anthrozoos* 31:5-21.
- Bergin D, Atoussi S & Waters S. 2018. Online trade of Barbary macaques *Macaca sylvanus* in Morocco and Algeria. *Biodiversity and Conservation* 27:531-534.
- Ceballos-Mago N & Chivers DJ. 2010. Local knowledge and perceptions of pet primates and wild Margarita capuchins on Isla de Margarita and Isla de Coche in Venezuela. *Endangered Species Research* 13:63-72.
- Clarke TA, Reuter KE, LaFleur M & Schaefer MS. 2019. A viral video and pet lemurs on Twitter. *PLoS ONE* 14(1): e0208577.
- Franquesa-Soler M & Serio-Silva JC. 2017. Through the eyes of children: Drawings as an evaluation tool for children's understanding about Endangered Mexican primates. *American Journal of Primatology* 79: DOI.10.1002/ajp.22723.
- LaFleur M, Clarke TA, Reuter KE, Schaefer MS & terHorst C. 2019. Illegal trade of wild-captured *Lemur catta* within Madagascar. *Folia Primatologica* 90:199-214.
- Leighty KA, Valuska AJ, Grand AP, Bettinger TL, Mellen JD, Ross SR, Boyle P & Ogdan JJ. 2015. Impact of visual context on public perceptions of non-human primate performers. *PLoS ONE* e0118487.
- Morrow KS, Jameson KA & Trinidad JS. 2017. Primates in film. In *The International Encyclopaedia of Primatology* (eds M Bezanson, KC MacKinnon, E Riley, CJ Campbell, KAI Nekaris, A Estrada, AF Di Fiore, S Ross, LE Jones-Engel, B Thierry, RW Sussman, C Sanz, J Loudon, S Elton & A Fuentes). DOI:10.1002/9781119179313.wbprim0350
- Meijaard E & Sheil D. 2008. Cuddly animals don't persuade poor people to back conservation. *Nature* 454:159. <https://www.nature.com/articles/454159b.pdf>
- Nekaris KAI, Musing L, Vazquez AG & Donati G. 2015. Is tickling torture? Assessing welfare towards slow lorises (*Nycticebus* spp.) within Web 2.0 videos. *Folia Primatologica* 86:534-51.
- Nekaris KAI, Campbell N, Coggins TG, Rode EJ, Nijman V. 2013. Tickled to death analysing public perceptions of "cute" videos of threatened species (slow lorises – *Nycticebus* spp.) on Web 2.0 sites. *PLoS ONE* 8(7):e69215.
- Norconk MA, Atsalis S, Tully, G, Santillan AM, Waters S, Knott CD, Ross SR, Shanee S & Stiles D. 2020. Reducing the primate pet trade: Actions for primatologists. *American Journal of Primatology* DOI.org/10.1002/ajp.23079.
- Osterberg P & Nekaris KAI. 2015. The use of animals as photo props to attract tourists in Thailand: A case study of the slow loris (*Nycticebus* spp.). *Traffic Bulletin* 27:13-18.
- Reuter KE & Schaefer MS. 2016. Captive conditions of pet lemurs in Madagascar. *Folia Primatologica* 87:48-63.
- Ross SR, Lukas KE, Lonsdorf EV, Stoinski TS, Hare B, Shumaker R & Goodall J. 2008. Inappropriate use and portrayal of chimpanzees. *Science* 319:1487 DOI 10.1126/science.1154490.
- Ross SR, Vreeman VM, Lonsdorf EV. 2011. Specific image characteristics influence attitudes about chimpanzee conservation and use as pets. *PLoS ONE* 6:e22050.
- Schroepfer KK, Rosati AG, Chartrand T & Hare B. 2011. Use of "entertainment" chimpanzees in commercials distorts public perception regarding their conservation status. *PLoS ONE* 6:e26048.
- Shutt K. 2014. An interdisciplinary risk assessment of gorilla ecotourism. PhD, Durham University. Available at <http://etheses.dur.ac.uk/10586/>
- Wallis J. 2018. The role of tourism in securing a sustainable existence for primates. In *Primatology, Biocultural Diversity and Sustainable Development in Tropical Forests*. UNESCO.
- Waters S, Watson T, Bell S & Setchell JM. 2018. Communicating for conservation: circumventing conflict with communities over domestic dog ownership, North Morocco. *European journal of Wildlife Research* 64:69 doi: 10.1007/s10344-018-1230-x.

Acknowledgements

Kami berterima kasih kepada Ouwehand Zoo Foundation, Belanda, atas sokongan mereka terhadap peranan Siân Waters dalam penghasilan garis panduan ini. Terima kasih juga kepada Pravind Segaran, UMS/ PONGO Alliance, Sabah, Malaysia untuk perekaan grafik dan penterjemahan serta juga Janette Wallis untuk penyusunaturan. Ribuan terima kasih kepada ahli Dewan Eksekutif PSG dan Linda May dari Arcus Foundation untuk komen-komen mereka pada versi awal garis panduan ini. Laëtitia Marechal juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Barbary Macque Project, University of Lincoln, UK dan Ifrane National Park, Morocco. Untuk maklumat lanjut, sila lihat www.human-primate-interactions.org.

